

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | Kongsi kolam terapi ikan boleh sebar jangkitan penyakit | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 24 Oct 2011 | Color | Black/white |
| Section | Nasional | Circulation | 192,982 |
| Page No | 8 | Readership | 1,521,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 165 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,673 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 14,019 |



Kongsi kolam terapi ikan boleh sebar jangkitan penyakit

SUBANG JAYA: Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai menjelaskan terapi ikan boleh menyebarkan jangkitan penyakit melalui air berikutan kolam itu bukan saja digunakan seorang pelanggan, tetapi dikongsi pengguna lain.

Katanya, kuman dalam kolam atau lebih dikenali sebagai spa ikan boleh berjangkit apabila ada pelanggan mempunyai luka pada kaki berkongsi menggunakan kolam berkenaan.

“Malah, air itu sendiri boleh membiakkan kuman jika ia digunakan oleh bukan pesakit, selain keadaan air yang tidak mengalir.

“Oleh itu, Ketua Pengarah Kesihatan (Datuk Dr Hasan Abdul Rahman) hanya dapat menasihati pengguna saja supaya tidak menggunakan kolam ini,” katanya pada sidang media selepas merasmikan majlis penutup Konvensyen Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COM-BI) Peringkat Kebangsaan 2011 di sini, semalam.

Rabu lalu, Kementerian Kesihatan memberi amaran risiko spa ikan kerana boleh menyebarkan pelbagai penyakit berbahaya, termasuk Hepatitis C,

HIV/AIDS dan tibi serta beberapa penyakit lain yang berjangkit menerusi bawahan air.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Konvensyen COM-BI Kebangsaan, Dr Lokman Hakim Sulaiman dan Pengarah Kesihatan Selangor, Dr Azman Abu Bakar.

Konvensyen berkenaan yang berlangsung selama dua hari dan berakhir semalam bertujuan untuk berkongsi pengalaman dan mencari idea baru bagi mencegah denggi.

Mengulas lanjut, Dr Lokman Hakim berkata, sebarang benda boleh dipindahkan ke dalam air yang kemudiannya dikhuatiri akan menjejaskan pengguna.

“Air spa ikan tidak diganti selalu seperti kolam renang yang diletakkan dengan klorin dan mempunyai risiko pencemaran yang tinggi. Bagaimanapun, klorin tidak boleh diletakkan dalam air berkenaan kerana ikan akan mati,” katanya.

Mengenai situasi denggi, Tiong Lai memberi amaran kepada rakyat supaya berjaga-jaga mulai bulan ini sehingga akhir tahun berikutan nyamuk membiak pada musim hujan dan masyarakat perlu bekerjasama membersihkan kawasan walaupun kes denggi menurun.

Beliau berkata, bilangan kes denggi di seluruh negara menyaksikan penurunan sebanyak 61 peratus atau 24,174 kes bagi tempoh Januari hingga 21 Oktober lalu dengan mencatatkan 15,769 kes denggi, berbanding 39,943 kes bagi tempoh sama tahun lalu.



Malah, air itu sendiri boleh membiakkan kuman jika ia digunakan oleh bukan pesakit, selain keadaan air yang tidak mengalir

Liow Tiong Lai
Menteri Kesihatan